

PENGARUH BAHASA MELAYU DALAM BAHASA DUSUN BRUNEI

(The Influence of the Malay Language on the Brunei Dusun Language)

*Mohd Norazmie Mohd Yusof
du1721001a@student.ums.edu.my

Universiti Brunei Darussalam.

Saidatul Nornis Haji Mahali
saidatul@ums.edu.my

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,
Universiti Malaysia Sabah.

Terbit dalam talian (*published online*): 3 Jun 2019

Sila rujuk: Mohd Norazmie Mohd Yusof dan Saidatul Nornis Haji Mahadi. (2019). Pengaruh bahasa Melayu dalam bahasa Dusun Brunei. *Jurnal Bahasa*, 19(1), 96-116.

Abstrak

Puak Dusun dikenali dengan nama *Sang Jati* merupakan salah satu daripada tujuh puak jati di Negara Brunei Darussalam. Puak Dusun Brunei mempunyai bahasanya yang tersendiri dan masih dipraktikkan oleh sebahagian masyarakat Dusun sehingga hari ini. Namun begitu, ramai yang tidak menyedari bahasa Dusun di Brunei telah dipengaruhi oleh bahasa Melayu Brunei. Kajian mengenai isu tersebut agak kurang diberikan perhatian. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh bahasa Melayu dalam bahasa Dusun dan mengenal pasti punca pengaruh tersebut. Terdapat tiga aspek linguistik yang disentuh untuk melihat pengaruh bahasa Melayu, iaitu ejaan bahasa Dusun, fonologi bahasa Dusun dan imbuhan bahasa Dusun. Bahan kajian utama ialah kosa kata bahasa Dusun yang direkodkan dalam tesis Yabit (1994) yang bertajuk *The Reconstruction of Pre-Dusun and the Classification of its Decendents.*; buku *Daftar Leksikal 7 Dialek Brunei Darussalam* (2011); *Kamus Sang Jati Dusun* (2014) serta; leksikal bahasa Dusun. Kosa kata berkenaan dibandingkan dengan

aspek linguistik bahasa Melayu Brunei. Pengaruh terhadap bahasa Dusun yang dibincangkan termasuklah faktor bahasa serumpun, sistem pendidikan, perpindahan puak Dusun, sosial dan ekonomi. Kajian ini diharapkan dapat memberikan pengetahuan tambahan mengenai bahasa etnik di Brunei dan meningkatkan kesedaran masyarakat Dusun mengenai bahasa mereka yang terkesan oleh pengaruh bahasa Melayu.

Kata kunci: bahasa Dusun Brunei, pengaruh bahasa Melayu, Sang Jati Dusun, ejaan, fonologi, imbuhan

Abstract

The Brunei Dusun ethnic group, also known as Sang Jati Dusun, is one of the seven ethnic groups in Brunei Darussalam. The Dusuns have their own distinctive language which is still practised by some of the members of this group today. However, many are unaware that their language has been influenced by the Brunei Malay language. The objectives of this study are to identify the influence of the Malay language on the Dusun language and the cause of the influence. There are three linguistic aspects regarding the influence of the Malay language that are discussed, which are the spelling, phonology and the language affixes of the Dusun language. The source for the main study are vocabulary items taken from Yabit's (1994) thesis entitled The Reconstruction of Pre-Dusun and the Classification of its Descendants (2011); the book entitled Daftar Leksikal 7 Dialek Brunei Darussalam (2011); Kamus Sang Jati Dusun (2014); as well as lexical items known by the researcher. The respective vocabulary items are compared with the linguistic aspects of the Brunei Malay language. Subsequently, this paper discusses some of the possible causes that may have influenced the Dusun language. Among these are that the two languages originate from the same clusters of Austronesian, the strong cognate between the Dusun language and the Malay language, the Brunei education system, the migration of the Dusun tribes to the shoreline, and socio-economic factors. Finally, it is hoped that this study will provide additional information on the ethnic languages in Brunei and raise awareness among the Dusun community about how their language has been affected by the influence of Malay.

Keywords: Brunei Dusun language, influence of Malay Language, Sang Jati Dusun, spelling, phonology, affix

PENDAHULUAN

Menurut *Perlembagaan Negeri Brunei* 1959 (PNB 1959) bangsa jati Brunei terbahagi kepada tujuh puak iaitu: (i) Melayu Brunei; (ii) Dusun; (iii) Bisaya; (iv) Kedayan; (v) Murut; (vi) Tutong dan; (vii) Belait. Setiap puak di Brunei mempunyai bahasa mereka yang tersendiri. Selain itu terdapat juga puak atau bangsa lain yang bermastautin di Brunei contohnya bangsa Cina, India, dan Iban. Bahasa rasmi negara Brunei Darussalam ialah Bahasa Melayu seperti yang termaktub dalam *Perlembagaan Negara Brunei* 1959 bab 82 (i) menyatakan bahasa rasmi negara Brunei ialah bahasa Melayu. Menurut Clynes (2001) terdapat empat varian bahasa Melayu di Brunei, iaitu: (i) Brunei standard; (ii) dialek/bahasa Melayu Brunei; (iii) cakap Kedayan dan; (iv) *Kurapak Belandih* (dialek kampung Ayer Brunei). *Perlembagaan Negara Brunei* 1959 (PNB 1959) tidak menyatakan secara khusus varian bahasa Melayu yang digunakan dalam perlembagaan namun bahasa Melayu yang dimaksudkan ialah bahasa Brunei Standard. Menurut Clynes (2001) bahasa Brunei Standard ialah bahasa yang digunakan dalam pentadbiran kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Ringkasnya, bahasa Brunei Standard ialah bahasa yang digunakan secara meluas di Brunei dalam urusan rasmi contohnya dalam Titah Sultan Brunei, berita televisyen, berita radio, penulisan akhbar dan lain-lain lagi. Menurut (Clynes 2001) bahasa Brunei Standard hampir sama dengan bahasa Melayu Standard cuma bezanya terdapat leksikal dialek Melayu Brunei diadaptasi dalam bahasa tersebut contohnya, *titih* dan *lutanan* (bermaksud membuat sesuatu pekerjaan dengan sempurna). Yang kedua ialah dialek Melayu Brunei atau bahasa Melayu Brunei. Menurut Clynes (2014) dialek Melayu Brunei atau dipanggil *cakap Barunay* ialah bahasa komunikasi seharian yang digunakan oleh lebih kurang 2/3 penduduk Brunei dan masyarakat di kawasan Sabah dan Sarawak yang berdekatan. Menurut Nothofer (1991) kognat bahasa Melayu Brunei dengan bahasa Melayu Standard ialah 81%. Bahasa Brunei Standard berbeza daripada bahasa Melayu Standard kerana bahasa ini sering digunakan dalam bentuk yang tidak formal seperti perbualan harian dan teks ringkas (*SMS*). Yang ketiga ialah varian yang disebut cakap Kedayan. Dialek ini digunakan oleh puak Kedayan di Brunei dan sekitar Sabah. Yang terakhir ialah dialek kampung Ayer yang digunakan oleh penduduk Kampung Ayer di Bandar Seri Begawan. Namun begitu, dialek ini telah mengalami kemerosotan kerana perpindahan penduduk dari kawasan sungai ke darat.

Kesemua varian bahasa Melayu tersebut mempunyai keunikan dan ciri-cirinya yang tersendiri serta mempunyai kognat yang tinggi dengan bahasa Melayu Standard. Menurut Nothofer (1991), kognat varian tersebut adalah antara 81% hingga 82% kecuali Bahasa Brunei Standard yang hampir sama dengan Bahasa Melayu Standard. Untuk memudahkan kajian ini, bahasa Melayu yang dimaksudkan dalam konteks kajian ini merujuk bahasa Melayu Brunei. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti pengaruh bahasa Melayu terhadap bahasa Dusun, dan mengenal pasti punca bahasa Dusun Brunei dipengaruhi oleh bahasa Melayu. Perbincangan kedua-dua objektif itu tertumpu pada tiga ruang lingkup, iaitu pengaruh bahasa Melayu terhadap: (i) sistem ejaan; (ii) sebutan dan; (iii) imbuhan bahasa Dusun Brunei. Kesemua data perbincangan makalah ini menggunakan data sekunder, iaitu leksikal yang diperoleh daripada tesis Yabit Alas (1994) yang bertajuk *The Reconstruction of Pre-Dusun and the Classification of its Decendents.*; buku *Daftar Leksikal 7 Dialek Brunei Darussalam* (2011); serta *Kamus Sang Jati Dusun* (2014).

SOROTAN LITERATUR

Pengaruh bahasa bahasa asing terhadap bahasa lokal bukan satu fenomena yang baharu. Menurut Tristram (2007) kajian mengenai strata linguistik telah bermula pada awal abad ke-19 oleh Ascoli (1829-1907) seorang ahli dialektologi. Beliau mengkaji interaksi bahasa Latin yang telah mempengaruhi bahasa Etruscan (bahasa lama di Itali). Akhirnya timbul terma dalam kajian strata linguistik yang dikenali sebagai kesan stratum (*superstratum*, *substratum* dan *adstratum*). Kesan *superstratum* bermaksud bahasa kedua mempengaruhi bahasa pertama dalam sesebuah komuniti atau negara. Kesan *substratum* bermaksud bahasa pertama telah mempengaruhi bahasa kedua. Yang terakhir ialah *adstratum*, iaitu jika bahasa pertama dan bahasa kedua sama-sama bertahan dan mempengaruhi antara satu dengan lain. (Tristram, 2007, LaPolla, 2009). Kesan *stratum* dalam linguistik berlaku apabila terjadi sesuatu kejadian contohnya peperangan, penjajahan, penyebaran agama dan tekanan politik.

Di Nusantara misalnya kesan stratum dapat dikesan dalam bahasa Melayu. Hal ini terjadi apabila beberapa aspek bahasa Melayu telah dipengaruhi oleh bahasa Arab. Antara contoh yang jelas ialah kata pinjaman daripada bahasa Arab sebanyak 1700-2000 patah perkataan (Abbas, 1988). Menurut beliau terdapat kesan stratum terhadap fonem bahasa Arab yang digunakan namun telah disesuaikan dengan fonem

bahasa Melayu contohnya fonem ث /th/ – *thalji* menjadi salji, fonem ذ /dh/ – *adhzab* menjadi azab. Selain pengaruh bahasa Arab terhadap bahasa Melayu, terdapat kajian mengenai bahasa etnik yang dipengaruhi oleh bahasa Melayu misalnya bahasa Kadazan Dusun di Sabah. Tinjauan yang dibuat oleh Sintian (2015) terhadap pelajar diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris mendapati pelajar yang sedang membuat latihan pengajaran cenderung untuk mengasimilasi perkataan bahasa Melayu dalam bahasa Kadazan Dusun. Contoh asimilasi tersebut adalah seperti: *osihat* dari perkataan sihat; *mositi* dari perkataan mesti; *mambasa* dari perkataan membaca dan lain-lain lagi. Antara faktor asimilasi tersebut ialah dasar pendidikan negara yang menjadikan subjek Bahasa Melayu sebagai subjek teras dalam pendidikan negara. Faktor berkenaan adalah antara contoh kesan stratum terhadap bahasa etnik.


Dalam kajian ini, pengkaji menumpukan perhatian terhadap pengaruh bahasa Melayu terhadap bahasa Dusun. Sebelum ini kajian tentang bahasa Dusun telah banyak dilakukan dalam aspek morfologi, fonologi, preposisi dan kata ganti nama oleh Jalin (1989), Yabit (1994), Buah (1996), Rosenani (2009) dan Chong (2010). Selain itu, terdapat juga penulisan tentang pengumpulan cerita rakyat puak Dusun yang ditulis oleh Bantong Antaran sekitar tahun 1986-1988. Kajian terkini mengenai bahasa dan budaya puak Dusun telah dibuat oleh Pudarno (2017). Walau bagaimanapun sehingga kajian ini dibuat, didapati terdapat kelompangan dalam kajian pengaruh bahasa Melayu Brunei terhadap bahasa Dusun Brunei. Terdapat satu artikel yang ditulis oleh Yabit (1995) dalam jurnal *Janang* yang bertajuk “Pinjaman atau asli”? Kajian ini menggunakan pendekatan Linguistik Perbandingan dalam bahasa Dusun yang menyentuh tentang pengaruh bahasa Melayu terhadap bahasa Dusun dengan penelitian terhadap doublet dalam bahasa Dusun. Beliau juga menyatakan bahawa agak sukar untuk memastikan sama ada kosa kata dalam bahasa Dusun di Brunei sebagai asli atau dipinjam daripada bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana kedua-dua bahasa tersebut daripada rumpun yang sama, iaitu Austronesia, dan banyak bahasa di Borneo belum lagi didokumentasikan. Kajian ini diharapkan dapat memberikan tambahan maklumat kepada pengkaji bahasa etnik di Brunei atau bidang yang berkaitan.

LATAR BELAKANG PUAKE DUSUN DI BRUNEI

Puak Dusun ialah salah satu puak yang sering disebut oleh ahli antropologi dan linguistik di Pulau Borneo. Antara rekod terawal yang menyebut

tentang kewujudan puak Dusun termasuklah Hose dan McDougall (1912), Williams (1965) dan Appell (1968). Menurut mereka puak Dusun merupakan pendatang yang berasal dari China. Teori mereka berdasarkan bentuk muka puak Dusun mirip dengan muka orang Cina, iaitu berkulit cerah, mempunyai ketinggian yang sederhana serta bermata sepet. Bangsa Cina tersebut dikatakan telah berhijrah dari tanah besar China dan sampai ke Utara Borneo. Penghijrahan mereka ke Borneo adalah kerana hasil bumi yang kaya dengan emas, batu kerikil, sarang burung dan lain-lain. Selain itu, mereka juga terkenal sebagai petani yang menjalankan aktiviti bersawah padi dan bercucuk tanam buah-buahan. Oleh sebab itu, mereka telah dilabel sebagai orang Dusun oleh masyarakat sekeliling. Walaupun terdapat persamaan antara masyarakat Dusun di Borneo namun, menurut Yabit (1994) dan Pudarno (2017) puak Dusun di Sabah berlainan daripada puak Dusun di Brunei.

Puak Dusun di Brunei digelar *Sang Jati Dusun*. Sang dalam bahasa Dusun bermaksud bangsa atau puak dan jati pula bermaksud “kita”. Menurut Yabit (1994), sebenarnya masyarakat Dusun di Brunei menggelar diri mereka sebagai *Sang Jati* dan bukannya puak Dusun. Gelaran puak Dusun itu diberikan oleh orang Melayu kerana kehidupan puak Dusun



Rajah 1 Peta petempatan puak mengikut kawasan di Brunei Darussalam [Sumber: Nothofer (1991, p. 152)]


yang bersawah padi dan bercucuk tanam buah-buahan. Namun begitu, beliau menegaskan bahawa puak *sang jati* tidak mempunyai masalah menggunakan nama Dusun, malah berbangga menggunakannya. Rajah 1 menunjukkan peta petempatan puak Dusun di Brunei.

Menurut Nothofer (1991), puak Dusun menetap di sempadan Daerah Tutong dan di Daerah Belait. Namun begitu, menurut Asiyah (2011) puak Dusun lebih dominan di Daerah Tutong, iaitu di Kampung Ukong dan Rambai. Pudarno (2017) pula membahagikan puak Dusun kepada tiga bahagian. Pertama, puak Dusun Lembah, iaitu mereka yang tinggal di kawasan lembah sungai dan pedalaman Daerah Tutong, contohnya di Kampung Bukit Udal, Kiudang dan Ukong; Yang kedua, puak Dusun Bukid, iaitu puak Dusun yang tinggal di kawasan bukit contohnya di Kampung bukit di daerah Tutong dan Sungai Mau di daerah Belait; dan yang terakhir sekali ialah puak Dusun Pantai yang tinggal di kawasan Pantai, contohnya di Kampung Telisai di Daerah Tutong dan Kampung Sungai Liang di Daerah Belait.


Memandangkan jumlah sebenar puak Dusun di Brunei tidak diketahui maka terdapat beberapa pernyataan yang membincangkan hal tersebut antaranya termasuklah Hajah Tuming (2005), yang menyatakan bahawa jumlah penduduk puak Dusun adalah lebih kurang 20 000 orang. Anggaran ini bercanggah dengan pendapat Aini (2013) yang menyatakan jumlah puak Dusun sekitar 6000 hingga 8000 orang sahaja. Yang mutakhir, pernyataan Pudarno (2017) yang menganggarkan puak Dusun hanya sekitar 5000 orang sahaja. Jumlah ini sangat sedikit jika dibandingkan dengan jumlah penduduk Brunei, lebih 400 000 orang. Walaupun terdapat anggaran jumlah puak Dusun, namun jumlah penduduk yang mahir atau boleh menggunakan bahasa Dusun Brunei tidak pernah dicatatkan. Kemungkinan sahaja penutur bahasa Dusun lebih rendah daripada 5000 orang kerana status penggunaan bahasa Dusun Brunei semakin merosot tahun demi tahun (Noor Azam, 2012; Fatimah & Najib, 2013 ; McLeelans, 2014; McLeelans & Jones, 2015).

PENGENALAN BAHASA DUSUN BRUNEI

Bahasa Dusun Brunei dikenali dengan nama *Basa Sang Jati*. Berkemungkinan istilah baharu yang bersifat formal kerana istilah tradisionalnya ialah *Turan Suang Jati* membawa maksud “Bahasa Orang Kita”. Bahasa Dusun Brunei merupakan salah satu bahasa yang tergolong dalam rumpun bahasa Austronesia di bawah subkategori Brunei bersama-



Filipina-Formosa



- Bahasa Melayu
 - i. Dialek Kedayan
 - ii. Dialek Kampung Ayer
 - iii. Dialek Melayu Brunei
 - vi. Dialek Melayu Standard
- **Bahasa Dusun**
 - i. **Dialek Dusun Tulen**
 - ii. **Dialek Bisaya**
- Bahasa Tutong
- Bahasa Murut
- Bahasa Belait
- Dialek Iban
- Bahasa Melanau
- Bahasa Penan

Rajah 2 Kedudukan bahasa Dusun dalam rumpun Austronesia.

Sumber: Chong (2010, p. 31).

sama dengan bahasa etnik lain seperti bahasa Tutong, Bisaya dan lain-lain. Rajah 2 ialah gambaran kedudukan bahasa Dusun dalam rumpun bahasa Austronesia.

Rajah 2 memperlihatkan terdapat dua dialek dalam bahasa Dusun, iaitu dialek Dusun Tulen dan dialek Bisaya. Menurut Nothofer (1991), bahasa Dusun dan Bisaya berkognat sebanyak 84%. Puak Dusun Brunei boleh berkomunikasi dan berinteraksi dengan puak Bisaya di sekitar kampung Bebuloh, yakni di Mukim Pengkalan Batu dan puak Bisaya di Limbang. Kajian Yabit (2012) menyatakan bahasa Dusun Brunei tergolong dalam

keluarga rumpun dusunik bersama-sama dengan bahasa Bisaya. Menurut beliau kemungkinan besar bahasa Dusun Brunei berasal dari Utara Borneo (Sabah). Namun begitu, hal ini tidaklah bermaksud penutur bahasa Dusun Brunei mampu berkomunikasi dengan penutur bahasa etnik di Sabah, contohnya penutur bahasa Kadazan. Seiring dengan pernyataan Saidatul Nornis (2012) yang menyatakan kumpulan bahasa Dusun ialah bahasa paling dominan di Sabah dan terdapat beberapa varian yang dikenal pasti contohnya bahasa Tatana, Lotud, Bisaya, Kadazan Dusun dan lain-lain. Walau bagaimanapun tidak semua penutur bahasa tersebut dapat bertutur antara satu dengan yang lain kerana terdapat banyak perbezaan dari aspek leksikal, morfologi dan linguistik yang lain.

PENGARUH BAHASA MELAYU TERHADAP BAHASA DUSUN

Pengaruh bahasa Melayu Brunei terhadap bahasa Dusun dapat dilihat daripada tiga faktor, sistem ejaan, sebutan huruf dan imbuhan.

Sistem Ejaan

Bahasa Dusun di Brunei tidak mempunyai sistem ejaan yang khusus. Bahasa Dusun ialah bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi secara lisan dan dikategorikan bahasa tidak bertulis (Noor Azam, 2005). Namun begitu, untuk tujuan pemeliharaan bahasa Dusun, leksikal bahasa Dusun telah direkodkan dalam beberapa buah kamus. Antara kamus bahasa Dusun yang mutakhir *Kamus Sang Jati Dusun* yang diterbitkan pada tahun 2014. Dalam kamus berkenaan terdapat penerangan mengenai huruf vokal bahasa Dusun. Lima huruf vokal dalam bahasa Dusun telah disenaraikan seperti Jadual 1.

Jadual 1 Huruf vokal bahasa Dusun.

Huruf Vokal	Contoh Ayat
A	<i>abuk</i> (rambut)
E	<i>esoi</i> (siapa)
I	<i>ine</i> (nenek)
O	<i>ogot</i> (ikat)
U	<i>umos</i> (peluh)

[Sumber: *Kamus Sang Jati Dusun* (2014)].

Dalam Jadual 1, vokal /e/ telah disenaraikan sebagai salah satu vokal dalam bahasa Dusun. Walau bagaimanapun, menurut Yabit (1994) dan Aini (2007) fonem vokal bagi bahasa Dusun Brunei adalah seperti Jadual 2.

Jadual 2 Fonem vokal dan konsonan bahasa Dusun.

4 Fonem Vokal	/i/, /u/, /a/, /o/
19 Fonem Konsonan	/b/, /p/, /t/, /d/, /k/, /g/, /ʔ/, /dʒ/, /tʃ/, /s/, /m/, /n/, /ŋ/, /ŋ/, /l/, /s/, /h/, /w/ dan /j/.

[Sumber: Aini (2013)].

Ortografi fonemik (sistem untuk menulis) dalam *Kamus Sang Jati Dusun* (2014) memperlihatkan ketidakselarasan antara fonologi bahasa Dusun yang telah dikaji oleh Yabit (1994) dan Aini (2007) seperti paparan dalam Jadual 2. Daripada kajian mereka, didapati cuma terdapat empat fonem vokal yang dikenal pasti. Namun begitu, dalam sistem ejaan bahasa Dusun kini terdapat lima huruf vokal yang telah digunakan. Contohnya adalah seperti Jadual 3.

Jadual 3 Contoh kosa kata dalam *Kamus Sang Jati Dusun*.

Contoh Perkataan
<i>Kelimputos</i> – Jerawat
<i>Sembalai</i> – Jiran
<i>Keniab</i> – Kelmarin
<i>Semabuh</i> – Buang Air Kecil
<i>Mentuong</i> - Malam

[Sumber: *Kamus Sang Jati Dusun* (2014)].

Selain memasukkan huruf /e/ dalam kosa kata bahasa Dusun, terdapat pengguguran huruf konsonan dalam bahasa tersebut, iaitu huruf /h/. Huruf /h/ digugurkan dalam suku kata onset, nukleus dan koda. Contohnya adalah seperti Jadual 4. Namun begitu, pengguguran huruf /h/ tidak sekata dengan semua kosa kata bahasa Dusun yang direkodkan kerana huruf /h/ tetap digunakan contohnya dalam *Kamus Sang Jati Dusun* Brunei (2014) seperti Jadual 5.

Jadual 4 Pengguguran huruf *h* dalam bahasa Dusun Brunei.

Bahasa Melayu	Bahasa Dusun	Pengguguran <i>h</i>
Hampa	<i>Ampa</i>	<i>onset</i>
Tahan	<i>Tan</i>	<i>nukleus</i>
Buluh	<i>Bulu</i>	<i>koda</i>

[Sumber: *Daftar Leksikal 7 Dialek Brunei* (2011)].

Jadual 5 Penggunaan huruf *h* dalam bahasa Dusun Brunei.

Contoh Perkataan		
banih	-	benih
bulih	-	boleh
payah	-	payah

[Sumber: *Kamus Sang Jati Dusun Brunei* (2014)].

Dapat dirumuskan bahawa bahasa Dusun Brunei mengadaptasi ejaan daripada bahasa Melayu Brunei agar mampu memenuhi keperluan perkataan dan makna dalam bahasa Dusun. Contoh yang diambil daripada *Kamus Sang Jati Dusun Brunei* menunjukkan ketidakseragaman terhadap fonem /e/ dan /h/ dengan kajian fonologi yang telah dibuat oleh Yabit (1994) dan Aini (2013). Sistem tulisan dalam kamus berkenaan bercampur baur antara bahasa Dusun dengan bahasa Melayu. Hal sedemikian bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana kebanyakan bahasa di pulau Borneo sememangnya meminjam masuk fonem serupa dalam bahasa masing-masing (lihat Asmah, 1983 untuk perbincangan lanjut). Menurut Blust (2018), hal serupa terlihat sama dalam kebanyakan bahasa rumpun Austronesia. Namun begitu, seperti yang diterangkan Yabit (1995), untuk memastikan kosa kata bahasa Dusun itu dipinjam atau asli adalah sukar kerana kekurangan bahan dokumentasi. Mungkin percampuran tersebut tidak mendatangkan apa-apa kesan kepada penutur bahasa Dusun tetapi bagi orang luar contohnya pelajar di universiti yang baru mempelajari bahasa Dusun, hal ini sesuatu yang mengelirukan mereka.

Sebutan

Cara penyebutan fonem /r/ mempunyai dua variasi. Terdapat fenomena menarik, yakni puak Dusun di pedalaman lebih cenderung menggunakan fonem konsonan /ɾ/, manakala puak Dusun di pesisir pantai pula lebih cenderung menggunakan fonem /r/. Contohnya seperti Jadual 6.

Jadual 6 Perbezaan fonologi dari segi fonem konsonan.

Contoh Perkataan	Bahasa Dusun	Fonologi BD kawasan Pedalaman	Fonologi BD di kawasan Pantai
Khabar	Barito	baxito ^h	barito ^h
Merah	Ragang	ɾagaŋ	Ragaŋ
Rasa	Roso	ɾoso ^h	roso ^h

[Sumber: Aini Karim (2007)].

Jadual 6 menunjukkan pengguna bahasa Dusun di kawasan pedalaman lebih cenderung menggunakan fonem /ɾ/ contohnya di Kampung Bukit Udal, Kampung Ukong dan kampung-kampung di sekitarnya. Di kawasan pantai contohnya di Kampung Telisai, Kampung Telamba dan kampung-kampung di sekitarnya lebih menyerupai dialek Melayu Brunei, iaitu menggunakan fonem /r/. Menurut Yabit (1995) masyarakat Melayu hidup di kawasan berhampiran dengan pantai. Masyarakat Melayu dan Dusun saling memerlukan antara satu dengan yang lain contohnya dari segi sosioekonomi. Masyarakat Dusun membekalkan hasil hutan contohnya rotan, buah-buahan dan sayur-sayuran. Masyarakat Melayu pula membekalkan kain, gula dan garam. Menurut beliau, dalam perhubungan antara masyarakat Dusun dengan Melayu, masyarakat Dusun lebih banyak menerima pengaruh daripada masyarakat Melayu, termasuklah faktor linguistik kerana masyarakat Melayu lebih dominan dari segi bilangan penduduk serta kuasa politik.

Imbuhan

Pengaruh bahasa Melayu tidak terhad dari aspek fonologi tetapi juga dari segi morfologi bahasa Dusun, iaitu imbuhan. Bahasa Dusun memiliki

imbuhan awalan, akhiran, apitan dan sisipan sama seperti bahasa Melayu. Antara penelitian terawal tentang imbuhan ialah kajian yang dilaksanakan oleh Yabit (1994). Beliau menyatakan bahasa Dusun Brunei mempunyai enam jenis imbuhan. Kajian ini kemudiannya dilakukan oleh Yalim (1996) yang menyatakan bahawa terdapat 12 jenis imbuhan dalam bahasa Dusun Brunei. Jumlah imbuhan itu kemudiannya bertambah dalam kajian Rosenani (2009) yang menyatakan terdapat 13 jenis imbuhan. Kajian yang paling mutakhir oleh Aini (2007) yang menyatakan terdapat 16 jenis imbuhan bahasa Dusun Brunei.

Umumnya, imbuhan bahasa Dusun Brunei terbahagi kepada dua, iaitu: (i) imbuhan yang berbeza dengan bahasa Melayu; dan (ii) imbuhan yang sama dengan bahasa Melayu. Jadual 7 menunjukkan imbuhan bahasa Dusun Brunei yang berbeza dengan bahasa Melayu seperti yang dikaji oleh Yabit (1994); *Daftar Leksikal 7 Dialek* (2011); dan Aini (2013).

Jadual 7 Imbuhan awalan dan akhiran dalam bahasa Dusun Brunei.

Bahasa Dusun Brunei	Bahasa Melayu
[ba]gancak	Memasak
[ngam]panau	Memandu
[nga]lasu	Memanaskan
[ka]suat	Terkena
[ka]puak	Terhantuk
kut [on]	Ikatkan
lap [on]	Ambilkan

[Sumber: *Daftar Leksikal 7 Dialek* (2011) & Aini (2013)].

Jadual 8 jelas menunjukkan beberapa imbuhan telah diadaptasi daripada bahasa Melayu contohnya perkataan [ba – ber], [ma – Mem] dan [ta – Ter]. Menurut Aini (2013) imbuhan seperti ini tidak dikira sebagai imbuhan bahasa Dusun kerana jelas dipinjam daripada bahasa Melayu. Dalam erti kata lain, pengaruh bahasa Melayu sudah meresap masuk dalam bahasa Dusun (lihat Aini, 2013 untuk perbincangan lanjut).

Jadual 8 Imbuan awalan dan akhiran yang hampir sama dengan bahasa Melayu.

Bahasa Dusun	Bahasa Melayu
[<i>ba</i>] <i>gagut</i>	Berkelahi
[<i>ba</i>] <i>simbul</i>	Berlari
[<i>ma</i>] <i>nunu</i>	Membakar
[<i>ma</i>] <i>nutu</i>	Memukul
[<i>ta</i>] <i>kuku</i>	Terduduk
[<i>ta</i>] <i>roso</i>	Terasa
<i>mapung</i> [<i>kan</i>]	Tinggalkan
<i>taan</i> [<i>kan</i>]	Tahankan

[*Sumber: Yabit (1994) & Aini (2013)*].

Imbuan dalam bahasa Dusun perlu dikaji dengan lebih teratur dan perlu dibukukan kerana bahasa Dusun sudah mula diajarkan sebagai subjek elektif di universiti. Menurut Anonby (1999) peminjaman kosa kata dan fonologi daripada bahasa yang dominan telah menjadi suatu kebiasaan untuk bahasa minoriti. Jika perkara ini tidak dikawal, maka sedikit demi sedikit akan menghapuskan bahasa minoriti tersebut.

PUNCA PENGARUH BAHASA MELAYU DALAM BAHASA DUSUN

Terdapat beberapa punca bahasa Dusun dipengaruhi oleh bahasa Melayu antaranya termasuklah kognat bahasa, pendidikan, penghijrahan tempat tinggal dan pemilihan bahasa. Kejadian tersebut adalah antara contoh apabila kesan *stratum* terjadi dalam bahasa Dusun (bahasa yang dominan mempengaruhi bahasa etnik). Dalam kes ini bahasa Melayu menjadi *superstrate* (dominan) dan bahasa Dusun menjadi *substrate* (kurang dominan)

Persamaan bahasa Dusun Brunei dengan bahasa Melayu disebabkan oleh kognat yang banyak antara kedua-dua bahasa tersebut (Yabit, 1995). Menurut Nothofer (1991), kognat persamaan bahasa Dusun dengan bahasa Melayu Brunei sebanyak 41%. Terdapat banyak kata pinjaman

daripada bahasa Melayu diadaptasi ke dalam bahasa Dusun. Noor Azam (2005) menyatakan bahawa bahasa Dusun Brunei hanya bertindak sebagai bahasa perantaraan bagi masyarakat Dusun dan terdapat kekurangan leksikal dalam bahasa tersebut. Keadaan itu menyebabkan penutur bahasa Dusun terpaksa meminjam perkataan daripada bahasa Melayu dan menyebabkan pengaruh bahasa Melayu sukar untuk dielakkan. Selain itu, tatabahasa bahasa Dusun Brunei juga agak tidak menentu sehingga kadangkala penutur Dusun terpaksa mengadaptasi tatabahasa Melayu untuk berkomunikasi, contohnya dalam imbuhan bahasa Dusun. Adaptasi terpaksa dibuat kerana bahasa Dusun tidak mempunyai badan khusus atau sistem penyelarasan yang bertindak untuk menyelaraskan bahasa Dusun Brunei. Tidak terdapat istilah bahasa Dusun Standard di Brunei kerana bergantung pada masyarakat Dusun itu sendiri. Oleh sebab itu, perubahan atau pengaruh dalam bahasa Dusun tidak dapat dikawal dan kurang diketahui.

Sistem pendidikan Brunei antara penyumbang utama pengaruh bahasa Melayu terhadap bahasa Dusun. Pengaruh ini bertepatan dengan kajian Sintian (2015) yang mengatakan bahasa Kadazandusun di Sabah telah mengalami asimilasi disebabkan oleh dasar pendidikan negara tersebut. Pengaruh pendidikan sangat besar kerana dasar pendidikan Brunei telah lama mewajibkan pelajar di Brunei untuk mempelajari bahasa Melayu. Kerajaan Brunei telah mula membuat reformasi pendidikan besar-besaran pada tahun 1984, iaitu setelah kemerdekaan Brunei. Antara tujuan reformasi ini adalah untuk memperkukuh identiti kebangsaan rakyat Brunei. Oleh itu, menurut Yabit (1995) ibu bapa telah mengajarkan bahasa Melayu di rumah agar anak-anak mereka tidak ketinggalan jauh jika mereka mula bersekolah nanti.

Pada tahun 2008, satu lagi reformasi pendidikan telah dibuat dengan memperkenalkan Sistem Pendidikan Negara abad ke-21 (SPN 21). SPN 21 telah memperkenalkan subjek wajib yang perlu diambil oleh semua pelajar sekolah (peringkat rendah dan menengah). Antara subjek tersebut termasuklah Bahasa Melayu; Pengetahuan Ugama Islam dan; Melayu Islam Beraja. Semua rakyat Brunei tidak kira puak dan bangsa termasuk pelajar antarabangsa mesti mempelajari bahasa Melayu. Hal ini menaikkan lagi status penggunaan bahasa Melayu. Namun begitu, kesan daripada pelaksanaan dasar itu menyebabkan penggunaan bahasa etnik kian merosot. Menurut Noor Azam (2005) dan Asiyah (2011 & 2016) langkah yang dibuat oleh kerajaan adalah untuk menyatukan rakyat Brunei yang berbilang puak serta untuk membina imej negara yang bersatu padu.

Perpaduan tersebut telah banyak memberikan impak positif kepada negara Brunei, namun tanpa disedari bahasa etnik mengalami kemerosotan.

Berdasarkan buku *Puak Tutong* (2002), penghijrahan masyarakat Dusun ke kawasan pantai telah mewujudkan pertembungan antara masyarakat Dusun dengan puak Tutong di Kampung Telamba. Pertembungan tersebut akhirnya mewujudkan perkahwinan dan perpindahan ke kawasan perkampungan berhampiran pantai. Perpindahan tersebut belum dapat dipastikan kesahihannya, namun mungkin ada benarnya kerana terdapat kampung yang berhampiran dengan pantai yang masih mempraktikkan bahasa Dusun tetapi tidak mengamalkan adat puak berkenaan seperti adat *Tamarok*. Menurut King (1994) penghijrahan selalunya memberikan kesan besar kepada masyarakat dan bahasa termasuklah bahasa Dusun. Didapati terdapat beberapa kampung yang telah menjadi “Melayu” sepenuhnya dalam aspek bahasa dan adat.

Faktor sosial dan ekonomi turut menjadi penyumbang kepada pengaruh bahasa Melayu dalam bahasa Dusun. Antara faktor tersebut termasuklah perkahwinan, pekerjaan dan globalisasi. Faktor-faktor tersebut menurut Fatimah dan Najib (2013) merupakan penyebab status bahasa Dusun semakin merosot. Perkahwinan campur antara puak di Brunei contohnya menyebabkan keperluan untuk mencari persamaan dalam proses interaksi dan komunikasi. Oleh itu, bahasa Melayu menjadi pilihan utama untuk berkomunikasi. Secara dasarnya, jika ada puak Dusun berkahwin dengan seseorang dari puak lain, alternatif terbaik untuk berinteraksi ialah bahasa yang dominan, iaitu bahasa Melayu kerana bahasa ini difahami oleh rakyat negara ini.

Selain kahwin campur, McLeelans, Noor Azam & Deterding (2016) berpendapat bahasa Melayu Brunei ialah bahasa pilihan masyarakat Brunei dan diibaratkan seperti jiwa masyarakatnya. Menurut Collins (1990 & 1994) dan Saidatul (2012) pengaruh bahasa Melayu Brunei memang besar sehingga pernah menjadi *lingua franca* pada satu ketika dahulu di Sabah sebelum kedatangan penjajah. Menurut Clynes (2001) hampir semua puak di Brunei secara tidak langsung telah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa perantara utama walaupun terdapat fenomena penukaran-kod (*code-switching*) antara bahasa Melayu dan Inggeris.

Pemilihan bahasa menjadi punca merosotnya penggunaan bahasa Dusun dalam kalangan masyarakat Dusun. Kajian yang dibuat oleh Fatimah dan Najib (2013) menunjukkan penurunan penggunaan bahasa Dusun dalam kalangan masyarakat tersebut. Kajian mereka mendapati 60% responden yang berumur 40 tahun ke atas menggunakan bahasa

Dusun untuk berkomunikasi dengan penutur yang lebih tua contohnya ibu bapa, nenek atau datuk. Namun begitu, tidak ada responden yang mahu menggunakan bahasa Dusun untuk berkomunikasi dengan warga muda contohnya anak-anak, cucu dan saudara mara yang muda. Sebagai ganti bahasa Dusun mereka memilih bahasa Melayu Brunei dan kod-campur (*code-mixing*). Antara alasan mereka termasuklah kerana mereka khuatir pelat atau loghat anak-anak mereka dipengaruhi oleh bahasa Dusun. Ada juga warga tua yang menyatakan sebutan bahasa Dusun anak-anak muda kurang baik atau tidak betul, oleh itu mereka lebih suka menggunakan bahasa Melayu untuk memudahkan komunikasi antara sesama mereka.

Terdapat kajian kes yang dibuat oleh Noor Azam dan Siti Ajeerah (2016) di Kampung Bukit Udal (salah satu kampung yang mempunyai ramai penutur masyarakat Dusun). Kajian tersebut telah menguji kemahiran aktif (mendengar dan bercakap) serta kemahiran pasif (menulis dan membaca) masyarakat Dusun yang muda dengan yang tua. Hasil kajian mendapati mereka mengesahkan lagi andaian warga muda sudah kurang mahir bercakap dan mendengar bahasa Dusun berbanding warga emas. Keadaan ini menunjukkan kemerosotan penggunaan bahasa Dusun di Brunei semakin meningkat dan secara tidak langsung memungkinkan bahasa Melayu untuk mempengaruhi bahasa Dusun.

IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN

Jika dilihat pada keadaan bahasa Dusun di Brunei pada masa ini, bahasa ini akan terus dipengaruhi oleh bahasa Melayu dan akan terus merosot penggunaannya. Perkara tersebut agak sukar dibendung dan, hal ini merupakan satu hakikat yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat etnik bukan sahaja di Brunei malah, di seluruh dunia. Seperti laporan UNESCO (2010), jumlah bahasa di dunia ini lebih kurang 6000 bahasa dan 47% daripadanya telah atau sedang mengalami kemerosotan dan dalam keadaan hampir pupus. Hakikatnya, menurut Colluzi (2010) bahasa etnik atau puak minoriti di Brunei dalam keadaan bahaya kecuali bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Mandarin. McLeelans (2014) telah menyarankan strategi untuk revitalisasi bahasa etnik di Brunei. Antara strategi tersebut termasuklah mengajarkan bahasa etnik sebagai salah satu modul atau subjek tambahan di institusi pengajian tinggi. Pada masa ini bahasa Dusun sudah dijadikan sebagai modul elektif di Universiti Brunei Darussalam. Usaha pelaksanaan pengajaran modul elektif itu merupakan permulaan yang positif dalam pemeliharaan dan pemuliharaan bahasa

etnik di Brunei. Kajian lebih lanjut tentang bahasa Dusun perlu dijalankan agar dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut dengan betul dan mampu dijadikan sebagai sandaran.

KESIMPULAN

Makalah ini menampilkan pengaruh bahasa Melayu sebagai bahasa yang dominan terhadap bahasa Dusun. Terdapat banyak aspek bahasa Dusun telah dipengaruhi bahasa Melayu contoh aspek ejaan, sebutan dan imbuhan. Impak pengaruh bahasa Melayu sangat kuat sehingga leksikal yang direkodkan dalam kamus bahasa Dusun juga turut terpengaruh. Pengaruh-pengaruh ini agak sukar untuk dielakkan kerana datangnya daripada pelbagai arah. Antaranya termasuklah kedua-dua bahasa tersebut datang daripada rumpun yang sama, iaitu rumpun Austronesia, kognat bahasa Dusun yang agak tinggi dengan bahasa Melayu, sistem pendidikan Brunei, perpindahan puak Dusun ke kawasan berhampiran pantai, faktor sosial dan juga faktor ekonomi. Walau bagaimanapun faktor terbesar ialah sikap masyarakat Dusun itu sendiri terhadap bahasanya. Strategi untuk pemuliharaan bahasa Dusun ini perlu digiatkan seperti pelaksanaan pengajaran modul elektif di Universiti Brunei Darussalam. Selain itu, kajian tentang bahasa ini harus diteruskan dan digiatkan untuk tujuan tersebut. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat Dusun mengenai bahasa mereka yang terkesan oleh pengaruh bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Abbas Mohd Shariff. (1988). Pengaruh bahasa Arab dalam bahasa Melayu. *Sekata* 5(1), 20-3. Singapore: The Malay Language Council.
- Aini binti Karim. (2007). *Preposisi bahasa Dusun dan bahasa Melayu: Satu analisis kontrastif dan analisis kesilapan*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aini binti Karim. (2013). Pembentukan kata kerja cerminan penakatan dan cabaran bahasa minoriti: Kes bahasa dusun di Brunei Darussalam. In Hajah Aminah binti Haji Momin & Muhd Azurin Othman (Eds.), *Kepelbagaian Bahasa di Borneo*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anonby S.J. (1999). Reversing language shift: Can Kwak'wala Be Revived. In J. Reyhner, G. Cantoni, R.N. St. Clair & E.P. Yazzie (Eds.), *Revitalizing Indigenous Languages*. Flagstaff, Arizona: Northern Arizona University.

- Appell, G. N. (1968). The Dusun languages of Sabah: The Rungus Dusun related problems. *Oceanic Linguistics*, 7, 131-14. DOI: 10.2307/3622844
- Asiyah az-Zahra Ahmad Kumpoh (2011). *Conversion to Islam: The case of the Dusun ethnic group in Brunei Darussalam*. Tesis PhD. University of Leicester. Dimuat turun daripada: <https://lra.le.ac.uk/handle/2381/9804>
- Asiyah az-Zahra Ahmad Kumpoh. (2016). Defining Dusun Identity in Brunei. *dIm Suvannabhumi*, 8 (2) (pp. 131-169). Dimuat turun dari https://www.academia.edu/32385391/Defining_Dusun_Identity_in_Brunei
- Asmah Haji Omar. (1983). *The Malay peoples of Malaysia and their languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Buah bin Tikau. (1996). *Sistem fonologi Dusun pedalaman* (Latihan Ilmiah tidak diterbitkan). Universiti Brunei Darussalam.
- Blust, R. Andrew. (2018). Austronesian languages. *Encyclopedia Britannica*. UK: Encyclopedia Britannica. Inc.
- Chong Ah Fok. (2010). Pronomina persona bahasa Dusun. *Jurnal Bahasa*, 20, 30-43. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam.
- Clynes, A. 2001. Brunei Malay: An overview. *Occasional Papers in Language Studies, Department of English Language and Applied Linguistics, UBD*, vol. 7, 11–44. Dimuat turun dari: <http://fass.ubd.edu.bn/>
- Clynes, A. (2014). Brunei Malay: An overview. In P. Sercombe, M. Boutin & A. Clynes (Eds.), *Advances in research on linguistic and cultural practices in Borneo*. Phillips, ME: Borneo Research Council.
- Collins, James T. (1990). *Bibliografi dialek Melayu di Pulau Borneo*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Colluzi, P. (2010). Endangered Languages in Borneo: A Survey among the Iban and Murut (Lun Bawang) in Temburong, Brunei. *Oceanic Linguistics* 49(1), 119-143 DOI: 10.1353/ol.0.0063
- Daftar Leksikal 7 Dialek Brunei Darussalam*. (2011). Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Dayangku Rosenani Pengiran Halus (2009). *Pengimbuhan dan fungsi kata kerja dan kata nama dalam Bahasa Dusun Merangking, Mukim Bukit Sawat*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatimah Hj. Awg Chuchu & Najib Noorashid (2013). Vitaliti dan revitalisasi minoriti etnik Dusun dalam situasi semasa dalam Hajah Aminah binti Haji Momin & Muhd Azurin Othman (Eds.), *Kepelbagaian bahasa di Borneo*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hajah Tuning binti Abdullah (2005). Kepercayaan puak Dusun di Brunei. dalam *Kepercayaan masyarakat Cina, Iban dan Dusun di Negara Brunei Darussalam*. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah KHEU.
- Haji Abd Karim bin Hj Abd Rahman. (2002). Puak Tutong: Sejarah dan perkembangan awal sosiobudaya. *Puak Tutong*. Brunei: Pusat Sejarah Brunei.

- Hose, C. & McDougall, W. (1912). *The pagan tribe of Borneo*. London: McMillan & Co.
- Jalin bin Luang (1989). *Fonologi Bahasa Dusun, Refleksi dari bahasa Austronesia dan Tatatingkat Kekerabatan dengan Bahasa di Sekitarnya* (Latihan Ilmiah tidak diterbitkan). Universiti Brunei Darussalam.
- Kamus Sang Jati Dusun*. (2014). Brunei Darussalam: Pakatan Sang Jati Dusun.
- King, V.T. (1994). What is Brunei society? Reflections on a conceptual and ethnographic issue. *South East Asia Research*, 2, 176-198. DOI: <https://doi.org/10.1177/0967828X9400200205>
- LaPolla, R.J. (2009). Causes and effects of substratum, superstratum and adstratum influence, with reference to Tibeto-Burman languages. Dalam Y. Nagano (Eds.), *Senri Ethnological Studies*, 75, 227-237. Osaka: National Museum of Ethnology. Dimuat turun daripada: <http://www3.ntu.edu.sg/home/randylapolla/publications.htm>
- McLellan, J. (2014). Strategies for revitalizing endangered Borneo languages: A comparison between Negara Brunei Darussalam and Sarawak, Malaysia. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal* 14, 14–22.
- McLellan, J. & Jones, G. (2015). Maintaining and revitalising the indigenous endangered languages of Borneo: Comparing ‘top-down’ and community-based policy initiatives and strategies. In M. Jones (Ed.), *Policy and planning for endangered languages* (pp. 18–30). Cambridge, England: Cambridge University Press. ISBN 978-1-10709-922-7.
- Moseley, C. (ed.). (2010) *UNESCO. Atlas of the World's Languages in Danger*. (3rd ed). Paris: UNESCO Publications Office.
- Noor Azam Haji-Othman (2005). *Linguistic diversity in Brunei Darussalam: An ecological perspective*. (Tesis PhD tidak diterbitkan). University of Leicester
- Noor Azam Haji-Othman. (2012). Teaching an endangered language: Basa³ Tutong in UBD. In A. Clynes (Ed.), *Selected papers from the 11th Borneo Research Council Conference, 2012*. [UBD, Online publication].
- Noor Azam Haji-Othman, McLellan, J. & Deterding, D. (2016). Introduction, dlm. Noor Azam Haji-Othman. J. McLeelans & D. Deterding. (Eds.), *The use and status of language in Brunei*. Singapore: Springer.
- Noor Azam Haji-Othman & Siti Ajeerah (2016). The state of indigenous language in Brunei Darussalam. In Noor Azam Haji-Othman. J. McLeelans & D. Deterding. (Eds.), *The use and status of language in Brunei*. Singapore: Springer.
- Nothofer, B. (1991). The languages of Brunei Darussalam. In H. Steinhauer (Ed.), *Papers in Austronesian Linguistics. Pacific Linguistics A-81*. Canberra: Australian National University
- Perlembagaan Negeri Brunei 1959.
- Pudarno Binchin (2017). *Budaya masyarakat Dusun: Imbasan kembali*. Brunei: Jabatan Muzium- Muzium.

- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2012). *Persona dialek Melayu Sabah*. Sabah: UMS.
- Sintian, M. (2015). *Asimilasi kata Melayu ke kata KadazanDusun: Tinjauan dalam pengajaran mikro pelajar Diploma Pendidikan lepasan ijazah (DPLI)*. Dimuat turun dari: <https://www.researchgate.net/>
- Tristram, H. (2007). Why don't the English speak Welsh??. In *The Britons in Anglo-Saxon England*, Nick J. Higham (Ed.), The Boydell Press.
- William, T. R. (1965). *The Dusun: A North Borneo society*. London: Holt, Rinehart & Winston.
- Yabit Alas. (1994). *The reconstruction of pre-Dusun and the classification of its descendants* (Tesis MA tidak diterbitkan). University of Hawaii.
- Yabit Alas. (1995). Pinjaman atau asli? Satu kajian linguistik perbandingan dalam bahasa Dusun. *Janang*, 5, 82-94.
- Yalim bin Ramai. (1996). *Imbuhan kata kerja dalam bahasa Dusun Kampung Bukit*. Latihan Ilmiah. Universiti Brunei Darussalam (tidak diterbitkan).

Diperoleh (*received*): 28 Januari 2019

Diterima (*accepted*): 2 Mei 2019